

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA
KAWASAN : BAKRI
TARIKH : 18 NOVEMBER 2015, RABU

SOALAN:

YB. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah pekerja yang terjejas dan pampasan yang diberikan kerana penutupan lorong tunai di beberapa plaza tol dengan pengenalan bayaran elektronik. Berapa peningkatan keuntungan yang diperolehi oleh pihak konsesi lebuhraya dan pihak pengendalian kad Touch 'N Go.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat seramai 4,424 orang jurutol yang berkhidmat di 30 lebuh raya yang sedang beroperasi. Daripada jumlah tersebut seramai 3,114 orang jurutol atau 75% merupakan pekerja tetap, 1,146 orang (27%) ialah pekerja kontrak manakala 164 orang lagi (3%) ialah pekerja sambilan.

Untuk jurutol yang berstatus tetap, mereka tidak akan diberhentikan kerja berikutan daripada pengenalan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC), sebaliknya akan diserapkan di unit-unit operasi sokongan lain seperti ditempatkan di Pusat Khidmat Pelanggan dan unit cerapan data tol ETC. Manakala untuk pekerja tol yang berstatus kontrak dan bekerja sambilan pula, lantikan mereka adalah tertakluk kepada tawaran perjanjian antara pekerja-majikan mengikut Akta Pekerja 1955.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos untuk menaik taraf infrastruktur bagi melaksanakan sistem ETC ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi. Ini termasuklah menyediakan kemudahan lorong tambah nilai di plaza-plaza tol dan pusat khidmat pelanggan untuk melancarkan pelaksanaan sistem ini. Mengenai keuntungan yang diperoleh berikutan pelaksanaan ETC, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada perubahan yang ketara terhadap hasil kutipan tol kerana bilangan trafik masih lagi hampir sama seperti sebelum pelaksanaan sistem ETC. Namun begitu penjualan SmartTAG dan kad Touch N' Go telah meningkat sepanjang kempen pelaksanaan ETC diadakan. Sehingga 30 September 2015 dianggarkan sebanyak 180,000 unit peranti SmartTAG dan 2.3 juta keping kad Touch N' Go telah dijual kepada pengguna.

Sekian. Terima kasih.